

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]
TARIKH :
SOALAN :

YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah peralatan / apparatus penting yang sudah tidak berfungsi di Hospital Seri Manjung dan bilakah CT Scan boleh dibekalkan ke Hospital Seri Manjung

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk mengganti dan menaik taraf peralatan di Hospital Seri Manjung dan usaha-usaha ini bergantung kepada keutamaan perkhidmatan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Pada tahun 2014 sejumlah RM5.13 juta diperuntukkan bagi penggantian dan naik taraf peralatan perubatan, RM2.97 juta pada tahun 2015 dan RM1.08 juta pada tahun 2016. Perolehan peralatan perubatan yang dibuat termasuklah *orthopaedic operating table*, *echocardiography machine*, *ventilator* dan *computerised radiography*.

Perolehan peralatan CT Scan akan melibatkan pembinaan bangunan baru bagi menempatkan peralatan tersebut serta akan dilaksanakan dalam suku ke-2 tahun 2017 dan dijangka siap pada penghujung 2018.